

TARIKH : 11 MAC 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 30

Projek ECRL siap 27.82 peratus

Kuala Terengganu: Kerja-kerja pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sudah mencapai kemajuan keseluruhan sebanyak 27.82 peratus, setakat Februari lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, peratusan itu merangkumi kerja pembinaan di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Menurutnya, kerja pembinaan infrastruktur di Terengganu mencatat kemajuan sebanyak 26.5 peratus bagi tempoh sama.

"Kemajuan ini didorong oleh kerja-kerja tanah, kerja-kerja terowong, kerja-kerja jambatan dan kerja-kerja cerucuk di sebanyak 143 lokasi," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam laporan media sebelum ini, MRL menasarkan kerja-kerja pembinaan ECRL mencapai kemajuan infrastruktur sebanyak 37 peratus di empat negeri terbabit bagi ta-

Projek ECRL siap 27.82 peratus

hun ini.

Rangkaian rel sepanjang 665 kilometer yang merangkumi 59 terowong meliputi panjang keseluruhan 61 kilometer serta beberapa jejambat dengan panjang keseluruhan 127 kilometer, dianggarkan menelan belanja RM50.27 bilion dan dijadual siap pada Disember 2026.

Pembinaan itu merangkumi masing-masing Jajaran Seksyen A dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu, manakala Seksyen B dari Dungun ke Mentakab, Pahang dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang, Selangor.

Dalam pada itu, Darwis berkata program 'Mesra ECRL' yang juga satu inisiatif tanggung jawab sosial

orporat (CSR) pi-
haknya dalam
menyantuni
ekonomi se-
tempat, so-
cial, rakyat
dan alam

sekitar, kini diteruskan di persekitaran Stesen ECRL Kuala Terengganu di Durian Guling, kelmarin.

"Program yang dijalankan bersama komuniti berdekatan Stesen ECRL Kuala Terengganu ini adalah tepat pada masanya memandangkan kerja-kerja pembinaan stesen di kawasan itu akan bermula pada suku keempat tahun ini," katanya.

Beliau berkata, program itu membabitkan taklimat 'Kenali ECRL' bagi meningkatkan kesedaran penduduk setempat mengenai projek ECRL, sekali gus menyedari manfaat yang bakal diperoleh khususnya bagi komuniti yang menetap dalam radius lima kilometer dari stesen berkenaan.

"Taklimat itu juga membolehkan masyarakat bersedia terhadap perhubungan rel yang lebih moden dan efisien yang akan wujud apabila pembinaan ECRL siap kelak," katanya.

Rangkaian rel
sepanjang 665
kilometer merangkumi
59 terowong sepanjang
61 kilometer